

3 AHLI EXCO JADI KETUA

Sokongan kuat diberi oleh negeri masing2

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Sekurang-kurangnya tiga Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, dijangka akan dilantik menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri masing-masing.

Tiga Exco disebut-sebut ialah Haji Khalid Yusof (Negeri Sembilan), Encik Tamrin Ghafar (Melaka) dan Encik Mazlan Idris (Pahang).

Ketiga-tiga Exco ini mendapat sokongan kuat dari Bahagian-Bahagian Pemuda UMNO Negeri masing-masing.

Bagaimanapun, Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, meskipun mempunyai kuasa penuh atas perantaraan tersebut, tetapi lebih suka merujuk kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar negeri berkenaan.

Encik Anwar sebelum ini menyatakan, perantaraan Ketua Pemuda UMNO Negeri dibuat melalui 'ayuh' atau rundingan dari Ketua-Ketua Pemuda UMNO Bahagian di samping mendapat restu Menteri Besar.

Haji Khalid yang juga Exco Kerajaan Negeri Sembilan, dijangka dilantik menggantikan tempat Datuk Mohd. Isa Samad yang kini Menteri Besar. Encik Tamrin pula dijangka menggantikan tempat Ketua Menteri, Encik Bahim Thamby Chik dan Encik Mazlan pula dijangka menggantikan tempat Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak.

Ketua baru

Di Wilayah Persekutuan pula, Drs. Suleiman Mohamad disebut-sebut sebagai Ketua Pemuda UMNO, menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Haji Mokhtar Omar.

Drs. Suleiman yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Setapak merupakan yang paling layak dilantik ke jawatan tersebut.

Sementara itu, di Alor Setar, Kedah, Ahli Exco Negeri, Encik Zakaria bin Saif Hazi, dilantik sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kedah sementara rakannya, Encik Yusof Abdul Rahman sebagai Naib Ketua.

Encik Zakaria, 38, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Anak Bukit, menggantikan Haji Hanafi Ramli, manakala Encik Yusof, 33, Ahli Dewan Undangan Negeri Jerlun, mengambil alih tempat Megat Junid bin Megat Ayub.

Perantaraan itu ditumukan sendiri oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, dalam satu jamuan makan tengah hari di Wisma Negeri, hari ini.

Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, juga mengumumkan perantaraan Encik Saad Man, 32, sebagai Setiausaha Pemuda UMNO Negeri, menggantikan Encik Bakri Ali Mohamad.

Encik Anwar yang menggantikan Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin sebagai Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang baru menjelaskan, pemilihan Ketua dan Naib Ketua begitu sulit kerana terdapat ramai tokoh yang ditonjolkan.

"Tapi apa yang penting ialah, memimpin Pergerakan Pemuda adalah satu tanggungjawab dan bukannya satu keistimewaan," ujarnya.